Jabatan Kerja Raya Kelantan
Bahagian Pengurusan Korporat
Jalan Kuala Krai
15050 Kota Bharu
Kelantan

# BULETIN SEMASA JKR KELANTAN

EDISI FEBRUARI 2018 LAMAN WEB:WWW.JKR.KELANTAN.GOV.MY




- LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA
- LAWATAN KERJA DATO' PENGARAH JKR KELANTAN KE JKR KUARI PUSAT BUKIT BULOH
- MAJLIS SOLAT HAJAT DAN PROGRAM PLANT TRIAL JKR KUARI BUKIT BULOH
- MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN CIDB MYIBS SDN BHD
- MESYUARAT PRA PERSEDIAAN HARI INOVASI JKR KELANTAN
- KURSUS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JKR

MESYUARAT PENGURUSAN & MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN
**JKR KELANTAN**

LAWATAN DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED DAN DATUK DR AWANG ADIK
**TAPAK PROJEK HOSPITAL BACHOK**

SESI DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50) DAN GREEN TECHNOLOGY MASTER PLAN(GTMP) MALAYSIA
**DATO' SERI IR DR ZAINI BIN UJANG**







# SIDANG REDAKSI

**PENAUNG**
*Dato' Ir. Hj. Razani Bin Ab. Lazid*
*Pengarah Kerja Raya Jabatan Kerja Raya Kelantan*

**KETUA PENGARANG**
*Haji Nik Soh Bin Yaacoub*
*Jurutera Awam Penguasa*
*Bahagian Pengurusan Korporat*

**AHLI JAWATANKUASA BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT**

*Puan Haslinda Binti Ahmad*
*Jurutera Awam (J41)*

*Encik Mohd Ikhwan Bin Mohd Bustaman*
*Penolong Jurutera Awam (JA38)*

*Encik Mat Alias Bin Dollah*
*Penolong Jurutera Awam (JA29)*

*Encik Mohd Adzril Bin Ariffin*
*Penolong Jurutera Awam (JA29)*

*Encik Shukri Bin Hassan*
*Penolong Jurutera Awam (JA29)*

*Encik Azmi Bin Abd Aziz*
*Penolong Jurutera Awam (JA29)*

*Encik Mohd Shamsul Azman Bin Manaf*
*Penolong Pegawai IT (FA29)*

*Puan Farhana Binti Che Mohd Nuroddin*
*Penolong Jurutera Awam (JA29)*

*Puan Rossfariza Binti Ibrahim*
*Pembantu Tadbir (N22)*

# MESYUARAT PENGURUSAN & MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN JKR KELANTAN





Mesyuarat Pengurusan JKR Kelantan bil:1/2018 telah diadakan pada 1 Feb 2018 (Khamis) di bilik Gerakan JKR Kelantan. Mesyuarat dipengurusikan oleh Pengarah JKR Kelantan, Dato' Ir. Hj. Razani Bin Ab. Lazid. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian dan Jurutera jajahan bagi setiap jajahan Kelantan.

Mesyuarat ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan isu-isu utama Jabatan dan untuk menggalakkan percambahan idea serta perkongsian maklumat-maklumat yang penting.



# LAWATAN DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED DAN DATUK DR AWANG ADIK KE TAPAK PROJEK HOSPITAL BACHOK



Pada 1 Februari 2018 YB Dato' Sri Mustapa Mohamed bersama Datuk Dr Awang Adek Hussin telah membuat satu lawatan kerja ke Tapak Projek Hospital Bachok.

## TAPAK PEMBINAAN PROJEK HOSPITAL BACHOK



Projek di atas tapak seluas 20 hektar di Kampung Bator, Jelawat bermula sejak September 2016 tahun lalu dan dijangka siap dalam tempoh tiga tahun iaitu menjelang September 2019. Hospital Bachok dijadual beroperasi dengan 76 katil di peringkat permulaan dan bakal memberi manfaat kepada kira-kira 800,000 penduduk di sekitar Bachok, Pasir Puteh dan Kota Bharu.



## ORGANISASI PASUKAN PROJEK PELAKSANA HOSPITAL BACHOK




## MAKLUMAT ASAS PROJEK HOSPITAL BACHOK



MAKLUMAT ASAS KONTRAK

| | |
|---|---|
| TAJUK PROJEK | CADANGAN HOSPITAL BACHOK (76 KATIL) KELANTAN |
| TARIKH SURAT SETUJU TERIMA | 13 SEPTEMBER 2016 |
| NO KONTRAK | JKR/IP/CKUB/163/2016 |
| JUMLAH KONTRAK | RM104,344,280.00 |
| TARIKH MILIK TAPAK | 27 SEPTEMBER 2016 |
| TARIKH SIAP ASAL | 23 SEPTEMBER 2019 |
| TARIKH SIAP SEMASA | 23 SEPTEMBER 2019 |
| TEMPOH KECACATAN | 12 BULAN |
| IBS SCORE PROJECT | 70.82% |
| NO PENDAFTARAN JKKP | KN/16/03/2571 |
| NO PENDAFTARAN CIDB | PH005242-27 |

# SESI DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50) DAN GTMP MALAYSIA(2017-2030) BERSAMA DATO' SERI IR DR ZAINI BIN UJANG



Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan Green Technology Master Plan (GTMP) Malaysia (2017-2030) telah diadakan pada 4 Februari 2018 di KTC Kota Bharu bersama KSU KeTTHA YBhg. Dato' Seri Ir Dr Zaini Bin Ujang

## TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50) DI KTC KOTA BHARU



TN50 merupakan satu inisiatif pembangunan negara jangka panjang. Sebagai sebahagian daripada persediaan dan tahap pembangunan TN50, Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Najib Tun Razak telah memberi mandat kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk memulakan proses dengan menerajui 'Perbincangan TN50', siri penglibatan dan aktiviti-aktiviti wacana yang bertujuan untuk mencetuskan aspirasi rakyat serta menentukan bidang untuk transformasi termasuk ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan dan alam sekitar.



# GREEN TECHNOLOGY MASTER PLAN(GTMP) MALAYSIA(2017-2030)

Green Technology Master Plan (GTMP) atau Matlamat Pembangunan Lestari merupakan 17 matlamat yang menjadi agenda global negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang disasar untuk dicapai menjelang tahun 2030.

GTMP yang dilancarkan pada Sidang Kemuncak Pembangunan Lestari PBB pada tahun 2015 bertujuan untuk menamatkan masalah kemiskinan , kelaparan dan ketidaksamaan serta mengambil tindakan terhadap perubahan iklim dan alam sekitar dan meningkatkan akses kepada kesihatan dan pendidikan juga membina institusi dan jaringan yang kukuh.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah proaktif terhadap 17 matlamat GTMP melalui pelbagai instrumen untuk mengenal pasti tindakan secara bersepadu bagi memenuhi aspirasi negara untuk mencapai pembangunan secara lestari.

Sesi dialog mengenai Green Technology Master Plan (GTMP) Malaysia (2017-2030) bersama YBhg. Dato' Seri Ir Dr Zaini Bin Ujang merupakan platform kepada para penjawat awam, pekerja sektor swasta, orang awam dan golongan pelajar di negeri Kelantan untuk mendapatkan informasi lebih lanjut mengenai GTMP dan kepentinganya terhadap matlamat untuk mencapai pembangunan lestari yang bakal memberi impak positif kepada kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat dalam jangka masa panjang.



# LAWATAN KERJA DATO' PENGARAH JKR KELANTAN KE JKR KUARI PUSAT BUKIT BULOH



Lawatan Kerja Dato' Pengarah JKR Kelantan ke JKR Kuari Pusat Bukit Buloh pada 3 Februari 2018 bagi meninjau kemajuan Projek Pembaikian Loji Premix Plant.



## MAJLIS SOLAT HAJAT DAN PROGRAM PLANT TRIAL JKR KUARI BUKIT BULUH

Majlis Solat Hajat Dan “Trial Plant” Bagi Pengujian Loji Premix JKR Kuari Pusat Bukit Buloh. Majlis ini di ketuai Jurutera Awam Kanan Bah. Jalan dan Jurutera Jajahan serta Ketua Unit. Program ini turut di sertai Pen. Pegawai Kewangan Negeri di JKR Kuari Bukit Buloh. Tetamu turut dibawa melawat Makmal JKR Kuari untuk melihat bagaimana proses pengujian ke atas premix untuk menghasilkan produk yang berkualiti.







# SENAMROBIK JKR SIHAT BERSAMA



Aktiviti senamrobik yang diadakan 2 kali dalam sebulan iaitu pada 8 dan 22 Feb untuk bulan ini bertujuan untuk menerapkan gaya hidup yang sihat dalam kalangan kakitangan JKR disamping mengeratkan silaturahim diantara warga jabatan.















# MESYUARAT PRA PERSEDIAAN HARI INOVASI JKR KELANTAN

Mesyuarat Pra Persediaan Hari Inovasi JKR Kelantan telah diadakan pada hari Isnin, 12 Februari 2018 di Bilik Gerakan bagi membincangkan tentang Hari Inovasi JKR Malaysia yang dijadualkan berlangsung pada 1-2 Oktober 2018.









# KURSUS KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN JKR




Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan JKR telah diadakan pada 13 Februari bersamaan hari Selasa di Dewan SUK yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Korporat JKR Kelantan. Kursus ini telah disampaikan oleh wakil dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kelantan, Dr. Muhammad Luqman b. Hussin dan Pn. Momazila bt. Mohamad.








# KURSUS LESSON LEARNT SPB

Kursus Lesson Learnt telah diadakan pada 14 Februari di Bilik Gerakan JKR Kelantan .










# MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PREMIS

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Premis telah dijalankan di Bilik Gerakan pada 15 Februari untuk membincangkan tentang isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerja.










# MESYUARAT PENYELARASAN JELAJAH FT ROADPEDIA ZON TIMUR 2.0

Mesuarat Penyelarasan Jelajah Ft Roadpedia Zon Timur 2.0 telah diadakan pada 19 Februari 2018 di Bilik Gerakan JKR Kelantan.









# LAWATAN KE TAPAK PROJEK JALAN KOTA BHARU-KUALA KRAI




Lawatan teknikal staff bahagian pengurusan korporat ke tapak projek jalan Kota Bharu - Kuala Krai Fasa 1B dan pakej 2A pada 20 Februari 2018 bersamaan hari Selasa.









# LAWATAN PASUKAN PENILAI ANUGERAH KONTRAKTOR CEMERLANG




Lawatan Pasukan Penilai Anugerah Kontraktor Cemerlang bagi Projek Menaiktaraf Jalan Morak-Kebakat-Cabang 4 Tok Mek Ngah, Tumpat Fasa 2 pada 21 Februari 2018.









# LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA KE PROJEK PEMBINAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT TANAH MERAH

Lawatan kerja Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya ke tapak projek pembinaan persimpangan bertingkat (Elevated T-Junction) di atas lintasan keretapi di pekan Tanah Merah, Kelantan pada 22 Feb 2018.

Lawatan daripada KSU ini bertujuan untuk melihat perkembangan projek yang dilaksanakan.








# TAKLIMAT E-PEROLEHAN DAN PEROLEHAN DARURAT

Taklimat E-Perolehan dan Perolehan Darurat diadakan pada 23 Februari di SUK Kota Bharu Kelantan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai Garis Panduan Perbelanjaan Darurat (AP 55) dan Perolehan Darurat (AP 173.2).














# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN CIDB MYIBS SDN BHD DAN PERSATUAN KONTRAKTOR PERUMAHAN KELANTAN

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) CIDB MYIBS SDN BHD dan Persatuan Kontraktor Perumahan Kelantan (PKPK) telah didakan pada 25 Februari 2018 di Hotel Perdana Kota Bharu dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed.












# MESYUARAT PAGI JKR KELANTAN BIL : 4/2018

Mesyuarat Pagi bulanan JKR Kelantan pada bulan Februari diadakan pada 26 Februari iaitu bersamaan hari Isnin di Bilik Gerakan JKR Kelantan.







# MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Premis Ibu Pejabat JKR Kelantan diadakan pada 26 Feb 2018 iatu pada hari Isnin di Bilik Gerakan JKR Kelantan bagi membentangkan status pelaksanaan program dan aktiviti jawatankuasa masing-masing







# MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI PERINGKAT NEGERI KELANTAN BIL. 1/2018

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Peringkat Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh YBHG Dato' Haji Adnan Bin Hussin telah diadakan pada 27 Februari di Bilik Gerakan Negeri bagi membincangkan tentang Anugerah Inovasi Sektor Awam 2018 , Majlis-majlis Inovasi Peringkat Negeri Kelantan dan juga mengenai EKSA.








# MAJLIS JALINAN KASIH ANJURAN PUSPANITA JKR NEGERI KELANTAN




Majlis Jalinan Kasih PUSPANITA JKR Kelantan diadakan pada 28 Feb 2018 iatu pada hari Rabu di Rumah Puspanita JKR Kelantan bagi mengeratkan hubungan mesra dikalangan anggota-anggota PUSPANITA JKR Negeri Kelantan


















# MAJLIS JALINAN KASIH ANJURAN PUSPANITA JKR NEGERI KELANTAN
























# SUDUT KAKITANGAN JKR

## LANTIKAN KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN JKR KELANTAN SEPANJANG FEBRUARI 2018



**TAHNIAH HAJJAH NIK NORIHAN BT NIK HASSAN , CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 1, JKR MALAYSIA DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI JURUTERA ELEKTRIK PENGUASA KANAN MEMANGKU GRED J54**



**TAHNIAH IR MOHD RUDZUAN BIN ARIFFIN, JURUTERA ELEKTRIK KANAN GRED J48, JKR KELANTAN DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI KETUA JURUTERA ELEKTRIK KELANTAN MEMANGKU GRED J52**

# SUDUT KAKITANGAN JKR

## SENARAI PERTUKARAN DAN LANTIKAN BARU KAKITANGAN JKR KELANTAN SEPANJANG FEBRUARI 2018



NAMA : WAN NURUL AZHAR BIN WAN GHAZALI
BAHAGIAN : UNIT BANGUNAN, JKR JAJAHAN KUALA KRAI
JAWATAN : JURUTERA AWAM GRED J44 (M)
BERTUKAR DARI : JKR KUALA KRAI
BERTUKAR KE : JKR KUALA LIPIS



NAMA : YM TENGKU FIRDAUS BIN TUAN LAH
JAWATAN : JURUTERA AWAM GRED J44
BERTUKAR KE : KEJURUTERAAN ELEKTRIK IBU PEJ JKR
TARIKH MULA : 16 FEB 2018



NAMA : PUAN MARDIYAH BT ZAHIDI
JAWATAN : JURUTERA AWAM GRED J41
BERTUKAR KE : JKR JAJAHAN JELI
TARIKH MULA : 19 FEB 2018



NAMA : EN MAD NOR BIN ABD SAMAD
JAWATAN : JURUTERA ELEKTRIK GRED J44
JURUTERA ELEKTRIK KANAN J48(M)
BERTUKAR DARI : KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
BERTUKAR KE : CAWANGAN ELEKTRIK, JKR KELANTAN
TARIKH MULA : 19 FEB 2018



NAMA : SUHAIMI BIN MOHAMAD NAZORI
JAWATAN : JURUTERA AWAM GRED J41
BERTUKAR KE : JKR JAJAHAN PASIR MAS
TARIKH MULA : 28 FEB 2018